

30 AUG 1996

Mahathir-Pelancong

SEMAKIN RAMAI RAKYAT MALAYSIA MELANCONG KE LUAR NEGARA, KATA PM

TUARAN, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bilangan rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara kini mencapai 16 juta orang, iaitu 80 peratus daripada kira-kira 20 juta penduduknya.

Bagaimanapun katanya bilangan pelancong ke Malaysia hanya pada kadar tujuh juta orang bagi yang tinggal di negara ini sekurang-kurangnya 24 jam, dan 14 juta orang yang melakukan lawatan kurang daripada tempoh itu.

Katanya jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara itu adalah tinggi jika dibandingkan dengan penduduk Jepun yang melancong keluar dari negara mereka iaitu pada kadar 13 juta orang daripada 120 juta penduduknya.

"Ini menimbulkan sedikit masalah kerana pengaliran keluar wang negara dan mengakibatkan imbangan pembayaran yang tidak sihat," katanya ketika merasmikan pusat peranginan Shangri-La's Rasa Ria di Pantai Dalit di sini, kira-kira 40 km dari Kota Kinabalu.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri kerajaan bukannya mahu melarang rakyat daripada melancong ke luar negara kerana ini "mungkin lambang rakyat Malaysia sudah mewah dan mampu untuk berbelanja."

"Kalau mereka tidak pergi melancong, maka syarikat penerbangan kita pula akan rugi. Kita tutup satu lubang, kita buka pula lubang satu lagi," katanya.

Pusat peranginan Rasa Ria yang dirasmikan Perdana Menteri hari ini adalah yang ketiga di Tuaran selain pusat peranginan Sabandar Bay dan Mimpian Jadi. Antara tarikan utama pelancong di daerah ini ialah pantainya yang panjang dan bersih.

Dr Mahathir juga berkata sektor pelancongan telah menyumbang AS\$4 ribu juta (kira-kira RM10 ribu juta) kepada ekonomi negara manakala sektor perhotelan pula turut berkembang dengan sekurang-kurangnya dua hotel baru diwujudkan setiap bulan.

Katanya kerajaan juga mempergiatkan lagi promosi dalam sektor ini.

"Sebelum ini kerajaan tidak mempunyai kementerian khas untuk pelancongan kerana ketika itu kita cuma beri perhatian yang sedikit dan tidak ada peruntukan untuk promosi. Sekarang ini sudah ada," katanya.

Kerajaan juga ingin meningkatkan pelancongan dalam negeri terutama pelancong yang boleh tinggal lama dan mampu berbelanja beratus-ratus ringgit sehari.

"Kadang-kala ada perbezaan pendapat antara pihak tertentu dengan kerajaan... Mereka kata sepatutnya orang kecil (golongan berpendapatan sederhana) juga dapat faedah dalam industri perhotelan dan dengan itu sepatutnya dibina hotel-hotel kecil dan murah," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, hotel seperti ini tidak banyak mendatangkan pendapatan.

Berikutan itu kerajaan terus menggalakkan pembinaan hotel Seri Malaysia yang bertaraf tiga bintang, khusus untuk golongan berpendapatan sederhana.

"Pembinaan hotel-hotel mewah juga menyediakan peluang pekerjaan. Jadi semua orang akan dapat faedah... Oleh itu, janganlah tuduh bahawa kita hanya mahu menguntungkan orang tertentu," kata Dr Mahathir.

Di Sabah, katanya, sikap pelancong telah banyak berubah sejak Barisan Nasional mengambil alih pentadbiran. Beliau juga yakin Sabah boleh maju terutama melalui sektor pelancongan sekalipun sumber kayu balaknya semakin berkurangan.

"Orang Utan juga merupakan satu keistimewaan bagi Sabah sebagai daya

tarikan pelancong," katanya. -- BERNAMA
MOK NT RON